

B 8082 DEB
MAHATHIR - KERJA R R R

1985
KUALA BERANG, 19 MEI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERHARAP RAKYAT TIDAK AKAN TERSALAH ANGGAP GELARAN KSM (KERJA SAMPAI MATI) YANG DIBERIKAN OLEH UMNO BAHAGIAN HULU TERENGGANU KEPADANYA HARI INI SEBAGAI PETANDA YANG BELIAU INGIN MENJADI PERDANA MENTERI SEHINGGA MATI.

BELIAU JUGA BERHARAP GELARAN SEUMPAMA ITU TIDAK AKAN DISALAH-ERTIKAN OLEH PEMIMPIN-PEMIMPIN LAIN SEBAGAI ISYARAT YANG UMNO MERESTUI MEREKA MEMEGANG SESUATU JAWATAN DI DALAM PARTI SAMPAI MATI.

TEGASNYA, UMNO TIDAK MAHU ADANYA DI KALANGAN PEMIMPIN PARTI YANG BERANGGAPAN SETELAH MEREKA DIPILIH, TIDAK ADA SESIAPA PUN BOLEH MENGUSIK KEDUDUKAN MEREKA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO MENEGASKAN DEMIKIAN BEMASA BERUCAP MERASMIKAN MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN HULU TERENGGANU, DI SINI HARI INI. BELIAU MENGULAS SATU KENYATAAN KETUA BAHAGIAN ITU, DATUK HAJI AHMAD SIDI ISMAIL YANG BERUCAP SEBELUMNYA. -- LAGI.

1558MST 19 05 85

0600

B 8083 DEB
MAHATHIR - KERJA 2 KUALA BERANG R R R

DATUK HAJI AHMAD SIDI DALAM UCAPANNYA BERKATA, KALAU ADA SEBARANG PENGANUGERAHAN YANG PALING TINGGI YANG WAJAR DIBERIKAN KEPADA PERDANA MENTERI, UMNO BAHAGIAN HULU TERENGGANU INGIN MEREBut KESEMPATAN ITU MEMBERI GELARAN KSM IAITU +KERJA SAMPAI MATI+ MEMANDANGKAN SIFAT PERDANA MENTERI YANG TIDAK MENGENAL PENAT JERIH DALAM MENJALANKAN TUGASNYA.

+KHIDMAT DATUK SERI DR. MAHATHIR TERUS DIPERLUKAN OLEH PARTI DAN NEGARA DAN KALAU BOLEH BIARLAH BELIAU TERUS BERKHIDMAT SAMPAI MATI,+ TEGAS DATUK HAJI AHMAD SIDI.

PERDANA MENTERI BERKATA, SESEORANG PEMIMPIN HANYA BOLEH MENERUSKAN SUMBANGAN DAN PERKHIDMATANNYA SELAGI BELIAU MEMPUNYAI KEMAMPUAN, SANGGUP BEKERJA KUAT DAN MASIH MENDAPAT RESTU DARI RAKYAT.

-- BERNAMA.